

HEGEMONI HADIS DALAM PENTAFSIRAN AL- QURAN: DIAGNOSIS PEMIKIRAN HADIS M. QURAIISH SHIHAB (l. 1944)

Abur Hamdi Usman

Faculty of Islamic Civilization Studies, International Islamic University College of
Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email:
aburhamdi@kuis.edu.my

Abstrak

M. Quraish Shihab (MQS) merupakan salah seorang mufasir prolific Nusantara. Karyanya Tafsir Al-Mishbāh menjadi magnum opus beliau dalam khazanah kesusasteraan Tafsir di Indonesia. MQS menilai pentafsiran terhadap al-Quran tidak akan pernah berakhir, malah dari semasa ke semasa muncul pentafsiran baru seiring dengan perkembangan ilmu dan tuntutan kemajuan. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis secara kritis pentafsiran baru yang dinyatakan dan difokuskan kepada isu utama berkaitan pemikiran hadis beliau. Kajian ini menggunakan metode kepustakaan dan analisis dokumen dengan menjadikan Tafsir al-Mishbah sebagai sumber kajian bagi mendapat pandangan yang lebih jelas tentang pemikiran hadis MQS. Kajian ini mendapati beliau menekankan kepentingan mentafsirkan al-Quran dengan hadis sahih. Namun begitu, ada ketikanya beliau telah menolak hadis yang dinilai sahih oleh ulama, lalu merujuk kepada hadis lemah bagi mengukuhkan pentafsirannya. Selain itu, ada masanya juga beliau turut menolak hadis sahih hanya disebabkan kecenderungannya kepada makna metafora daripada makna hakiki ayat.

Kata kunci: *M. Quraish Shihab, Tafsir, Hadis, Tokoh, Indonesia, Pemikiran, Nusantara*

(HEGEMONY OF HADITH IN QUR'ANIC EXEGETION: DIAGNOSIS OF M. QURAIISH SHIHAB'S THOUGHT (b. 1944))

Abstract

M. Quraish Shihab (MQS) is one of the prolific exegete in the Indonesian archipelago. His magnum opus of Tafsir Al-Mishbāh became a priceless work in the literary treasure of Tafsir in Indonesia. MQS assessed the Qur'anic exegetion would never end, even from time to time new interpretations will arise in line with the development of knowledge and progress demands. Hence, this

paper aims to critically analyse and focused on the major issues related to MQS hadith thought. This study has adopted the literature analysis method with al-Mishbah as a source inclusive of various Tafsir and Hadith books as major references. This study found that MQS emphasized the importance of Qur'anic exegetion with the authentic hadith. However, at times he has rejected authentic hadith which is assessed by the Muslim Scholar and refers to the weak hadith to strengthen his interpretation. In addition, it is also time for him to reject the authentic hadith due to his tendency to the metaphorical meaning of the verse.

Keywords: *M. Quraish Shihab; Tafsir; Hadith; Persona; Indonesia; Thought; Archipelago*

Received: October 25, 2017

Accepted: November 18, 2017

Online Published: December 30, 2017

1. Prawacana

Hadis yang diiktiraf oleh ulama dengan ucapan, perbuatan dan perakuan yang dihubungkan kepada Rasulullah SAW melalui jalan riwayat yang sahih telah diterima secara ijmak oleh umat Islam sebagai sumber Islam kedua selepas al-Quran. Kedudukannya yang sangat tinggi dalam syarak kerana berfungsi untuk memperjelas maksud ayat al-Quran. Allah SWT berfirman dalam surah *al-Nahl* [16] ayat 44:

بِالْبَيِّنَاتِ وَالزُّبُرِ وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٤٤﴾

Maksudnya:

(Kami utuskan Rasul-rasul itu) membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata (yang membuktikan kebenaran mereka) dan Kitab-kitab suci (yang menjadi panduan); dan Kami pula turunkan kepadamu (Wahai Muhammad) al-Quran yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka, dan supaya mereka memikirkannya.

Ulama tidak pernah mempertikaikan kedudukannya apabila kajian menunjukkan nilai-nilai sahih wujud pada sanad dan matan sesebuah riwayat, meskipun didapati pertentangan yang begitu kuat dari golongan orientalis dan musuh-musuh Islam. Dalam dunia yang berkecamuk dengan pertentangan ideologi dan pemikiran seperti disaksikan hari ini, tiada jalan keluar selain kembali kepada al-Quran dan Hadis. Jalan ini memungkinan umat Islam dapat menyelesaikan banyak permasalahan hidup, malah semua permasalahan agama dan kemanusiaan hendaklah diselesaikan menerusi kedua-dua sumber ini. Justeru itu, kewajipan merujuk kepada kedua-keduanya bukan lagi jalan pilihan, namun kewajipan yang menentukan keimanan seseorang kepada Allah SWT dan hari Akhirat. Oleh itu, Allah SWT berfirman dalam surah *al-Nisā'* [4] ayat 65:

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ
وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿١٦﴾

Maksudnya:

Maka demi Tuhanmu (Wahai Muhammad)! mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan Engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka sesuatu keberatan dari apa yang telah engkau hukumkan dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya.

Justeru itu, ulama bersepakat bahawa sebaik-baik pentafsiran selepas merujuk kepada al-Quran adalah Hadis Rasulullah SAW. Abū Muḥammad Ibn ʿAṭīyah (481-540 H./1089-1146 M.), mufasir terkemuka kelahiran kota Granada, Andalusia dalam karyanya *al-Muḥarrar al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-ʿAzīz* menyatakan bahawa jika tidak didapati pentafsiran ayat pada ayat lainnya, maka hendaklah menafsirkannya dengan Sunnah yang sahih, kerana ianya adalah penjelas dan penghuraiannya Ibn ʿAṭīyah (2001, 1: 7). Sehubungan dengan itu, Ahli Teologi kelahiran Harran, Mesopotamia, Taqī al-Dīn Abū al-ʿAbbās Aḥmad ibn ʿAbd al-Salām ibn ʿAbd Allāh ibn Muḥammad ibn Taymiyyah (1263-1328) dalam karyanya *Muqaddimah Fī Uṣūl al-Tafsīr* menukil pernyataan Imam mujtahid, al- al- Abū ʿAbdullāh Muhammad ibn Idrīs al-Shāfiʿī (150-204 H. / 767-820) bahawa semua yang diputuskan oleh Rasulullah SAW adalah apa yang difahami daripada al-Quran (Ibn Taymiyyah, 1971: 93). Oleh sebab itu, Rasulullah SAW bersabda:

حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَهَّابِ بْنُ بَجْدَةَ حَدَّثَنَا أَبُو عَمْرٍو بْنُ كَثِيرٍ بْنُ دِينَارٍ عَنْ حَرِيْزِ بْنِ عُثْمَانَ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي عَوْفٍ عَنِ الْمُقَدَّامِ بْنِ مَعْدِي كَرِبَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ أَلَا إِنِّي أُوتِيتُ الْكِتَابَ وَمِثْلَهُ مَعَهُ أَلَا يُوشِكُ رَجُلٌ شَبَعَانُ عَلَيَّ أُرِيكَتِهِ يَقُولُ عَلَيْكُمْ بِهَذَا الْقُرْآنِ فَمَا وَجَدْتُمْ فِيهِ مِنْ حَلَالٍ فَأَحْلُوهُ وَمَا وَجَدْتُمْ فِيهِ مِنْ حَرَامٍ فَحَرِّمُوهُ أَلَا لَا يَحِلُّ لَكُمْ لَحْمُ الْحِمَارِ الْأَهْلِيِّ وَلَا كُلُّ ذِي نَابٍ مِنَ السَّبْعِ وَلَا لُقْطَةٌ مُعَاهِدٍ إِلَّا أَنْ يَسْتَعْنِيَ عَنْهَا صَاحِبُهَا وَمَنْ نَزَلَ بِقَوْمٍ فَعَلَيْهِمْ أَنْ يَقْرُوهُ فَإِنْ لَمْ يَقْرُوهُ فَلَهُ أَنْ يُعَقِبَهُمْ بِمِثْلِ قِرَاهُ

(Hadis ini diriwayatkan oleh Aḥmad Ibn Ḥanbal (1991, 28: 410) dalam *Musnadnya*, bab *Ḥadīth al-Miqdām ibn Maʿdī Kariba al-Kindī Abū Karīmah*, Hadis nombor 17174).

Daripada Al-Miqdām ibn Maʿdī Karib, ia berkata: Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: "Ketahuilah, sesungguhnya telah diturunkan kepadaku Al-Kitab dan yang semisalnya (Sunnah) bersamanya. Ketahuilah, sesungguhnya telah diturunkan kepadaku Al-Quran dan yang semisalnya (Sunnah) bersamanya. Ketahuilah, dikhawatirkan akan ada seseorang yang duduk kenyang di atas katilnya sambil berkata: "Wajib bagi kalian berpegang pada Al-

Quran ini. Apa sahaja yang kalian dapati di dalamnya daripada perkara halal, maka halalkanlah, dan apa sahaja yang kalian dapati di dalamnya daripada perkara haram, maka haramkanlah.” Ketahuilah, tidak dihalalkan bagi kalian daging keledai jinak dan binatang buas yang mempunyai taring dan tidak halal pula barang temuan seorang kafir mu’ahid (yang menjalin perdamaian dengan kaum muslimin) kecuali ia sudah tidak memerlukannya lagi. Dan barangsiapa yang bertamu pada sebuah kaum maka wajib bagi kaum itu untuk menjamunya. Dan kalau mereka tidak mahu menjamu maka boleh bagi si tamu untuk mengambil seperti yang biasanya dihidangkan oleh mereka.”

Menurut Ibn Taimiyyah (1971: 94) makna *wa mithlahu ma’ahu* ialah al-Sunah, kerana ianya juga diturunkan kepada Rasulullah SAW dengan wahyu seperti al-Quran, hanya sahaja membacanya tidak menjadi ibadah. Sejurus selepas itu, Ibn Taimiyyah pun menukilkan riwayat Mu’adh ibn Jabal RA, ketika Rasulullah SAW hendak mengutusnyanya ke Yaman:

بِمَ تَحْكُمُ؟ قَالَ : بِكِتَابِ اللَّهِ. قَالَ : فَإِنْ لَمْ يَجِدْ؟ قَالَ : فَإِنْ لَمْ يَجِدْ؟ قَالَ : بِسُنَّةِ رَسُولِ اللَّهِ. قَالَ : فَإِنْ لَمْ يَجِدْ؟ قَالَ : أَجْتَهُدُ رَأْيِي . فَضَرَبَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَدْرَهُ وَقَالَ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَفَّقَ رَسُولَ رَسُولِ اللَّهِ لِمَا يُرْضِي رَسُولَ اللَّهِ.

(Hadis ini diriwayatkan oleh Abū Dawūd, al-Ash’ath. t.th. *Sunan Abū Dawūd*. Bab *ijtihād al-ra’y fi al-qaḍā’*. Jil. 3. Riyadh: Maktabat al-Ma’ārif. Hlm. 330. Hadis nombor. 3594).

Bagaimana engkau memutuskan jika engkau menghadapi suatu masalah? Mu’adh berkata, “Aku akan memutuskan dengan Kitab Allah.” Nabi SAW berkata, “Kalau engkau tidak mendapatkannya?” Mu’adh berkata, “Aku putuskan dengan Sunah Rasulullah SAW.” Nabi SAW bertanya lagi, “Jika engkau tidak mendapatkannya?” Mu’adh berkata, “Aku akan berijtihad dengan pendapatku”. Maka Nabi SAW pun menepuk dada Mu’adh dan berkata, “Segala puji bagi Allah yang telah memberikan taufiq kepada utusan Rasulullah dengan apa yang membuat Rasulullah reda”.

Contoh pentafsiran Rasulullah SAW terhadap ayat al-Quran adalah lafaz benang putih dan benang merah yang terdapat pada surah *al-Baqarah* [2] ayat 187 berikut ini:

أُحِلَّ لَكُمْ لَيْلَةَ الصِّيَامِ الرَّفَثُ إِلَى نِسَائِكُمْ هُنَّ لِبَاسٌ لَكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٌ لَهُنَّ عَلِمَ اللَّهُ أَنَّكُمْ كُنْتُمْ تَخْتَانُونَ أَنْفُسَكُمْ فَتَابَ عَلَيْكُمْ وَعَفَا عَنْكُمْ فَالآنَ بَاشِرُوهُنَّ وَأَبْتَغُوا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَكُمْ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ ثُمَّ أَتُمُوا الصِّيَامَ إِلَى اللَّيْلِ وَلَا تُبَشِّرُوهُنَّ وَأَنْتُمْ عَنْكُمُوهُنَّ فِي الْمَسْجِدِ تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا تَقْرُبُوهَا كَذَلِكَ يَبَيِّنُ اللَّهُ آيَاتِهِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴿١٨٧﴾

Maksudnya:

Dihalalkan bagi kamu pada malam hari bulan Puasa bercampur dengan istri-istri kamu; mereka itu adalah pakaian bagimu, dan kamu pun adalah pakaian bagi mereka. Allah mengetahui bahwasanya kamu tidak dapat menahan nafsumu, karena itu Allah mengampuni kamu dan memberi maaf kepadamu. Maka sekarang campurilah mereka dan carilah apa yang telah ditetapkan Allah untukmu, dan makan minumlah hingga terang bagimu benang putih dari benang hitam, yaitu fajar. Kemudian sempurnakanlah puasa itu sampai (datang) malam, (tetapi) janganlah kamu campuri mereka itu, sedang kamu beri`tikaf dalam mesjid. Itulah larangan Allah, maka janganlah kamu mendekatinya. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepada manusia, supaya mereka bertakwa.

Abū Jaʿfar Muḥammad ibn Jarīr al-Ṭabarī (224-310 H./ 839-923 M.) yang dikenali sebagai Bapa Mufasirin mentafsirkan ayat ini dengan berkata bahawa takwilan yang paling benar terhadap ayat tersebut adalah berdasarkan nukilan yang diriwayatkan daripada Rasulullah SAW bahawa *al-khayṭ al-abyaḍ* ialah putihnya siang dan *al-khayṭ al-aswad* ialah hitamnya malam. Malah makna ini juga masyhur dalam percakapan orang Arab (al-Ṭabarī, 2001. 3: 512 & 529).

Artikel ini menghuraikan tentang pendekatan M. Quraish Shihab (MQS) dalam berinteraksi dengan ayat al-Quran yang terkandung dalam kitab tafsirnya *Al-Mishbah*. Huraianya dimulakan dengan biografi beliau bagi mengetahui ketokohnya sebagai ulama terbilang di Indonesia. Urutan daripada itu, dihuraikan secara analisis kritis dua contoh pemikiran beliau yang berhubungkait dengan hadis sebagai pengukuhan hujah yang digunakannya dalam pentafsiran ayat al-Quran.

2. M. Quraish Shihab: Sketsa Akademik Sang Mufasir Prolifik

M. Quraish Shihab dilahirkan di Rappang, Sulawesi Selatan pada 16 Februari 1944. Peringkat awal pendidikan didapati daripada ayahnya, Abdulrahman Shihab. Manakala benih kecintaan terhadap al-Quran mulai tumbuh sejak usianya enam tahun (Shihab, 1992). Sebagai anak daripada seorang pakar tafsir, MQS kerap diajak untuk menghadiri kelas pengajian agama yang diadakan oleh ayahnya (Naja, 2007). Selain daripada itu, ibunya pun turut memainkan peranan dalam mencorakkan beliau. Ibunya sentiasa memberikan galakan dan bimbingan kepadanya untuk terus belajar. Ekoran daripada itu, tidak hairan jika minat MQS terhadap al-Quran amat besar. Hal ini terserlah menerusi program pengajian tinggi yang dipilihnya (Subhan, 1993).

Selain didikan ibubapa di rumah, beliau turut menuntut di Pondok Pesantren Darul Hadith al-Faqihyyah, Malang. Sejurus

selepas itu, pada tahun 1958 Negeri Sulawesi Selatan telah menawarkannya biasiswa ke Universiti al-Azhar, Kaherah, Mesir bagi meneruskan pengajian, dan terus diterima di tingkatan dua *thanawiyah* al-Azhar (Shihab 1992). Di situ MQS telah memperolehi dua sijil, iaitu sijil yang kurikulumnya dikhususkan bagi pelajar asing dari *Ma^had al-Bu^uth al-Islāmiyah*, dan sijil dengan penambahan mata kuliah khusus untuk pelajar-pelajar Mesir dari *Ma^had al-Qāhirah*. MQS kemudian meneruskan pengajiannya di Universiti al-Azhar, Jabatan Usuluddin, pengkhususan Tafsir dan Hadis dan berjaya menamatkan pengajian sarjana mudanya pada tahun 1967. Dua tahun kemudian (1969), MQS telah berhasil meraih gelar sarjana pada Fakultas yang sama dengan disertasi bertajuk *al-I^jāz al-Tashrī^t li al-Qur^ān al-Karīm*. Kajian yang dianalisis dalam disertasi tersebut ialah realiti kehidupan masyarakat yang tidak dapat membezakan antara mukjizat dengan keistimewaan. Malah pakar tafsir sekalipun cenderung memberikan persamaan antara kedua-duanya (Shihab, 2011).

Pada tahun 1980, MQS meneruskan pengajian Doktor Falsafahnya di Universiti yang sama. Pengajiannya itu dapat diselesaikan dalam masa dua tahun dan memperolehi keputusan *mumtāz ma^a martabah al-sharaf al-ūlā* (sarjana teladan dengan prestasi cemerlang) dengan menghasilkan tesis bertajuk *Kitāb Nazm al-Durar fī Tanāsub al-Āyāt wa al-Suwar li Ibrāhīm ibn ^Umar al-Biqā^t (809-885H): Taḥqīq wa Dirāsah (al-An^ām, al-A^rāf, al-Anfāl)*. Dengan begitu, MQS adalah merupakan orang pertama di Asia Tenggara yang berjaya meraih gelaran Doktor Falsafah dalam ilmu-ilmu al-Quran di Universiti al-Azhar (Subhan, 1993). Kajian tesis dengan ketebalan 1336 muka surat dan dicetak dalam tiga jilid itu, merupakan kajian pengukuran tahap kesahihan (*taḥqīq*) kitab Tafsir *al-Biqā^t* dan analisis pentafsiran tokoh tersebut dengan pendekatan perbandingan umum (*muqāranah ^āmmah*) dengan mufasir lainnya. Penulisan Tesis tersebut di bawah seliaan ^{Abd al-Bāsīt} Ibrāhīm Bulbūl (Wardani, 2009). Secara keseluruhannya MQS telah menjalani proses perkembangan dan pencerahan intelektual di Universiti al-Azhar selama lebih kurang tiga belas tahun. Tambahan lagi dengan suasana dan tradisi keilmuan pengajian Islam di sana sedikit sebanyak telah mencorakkan pemikiran beliau.

Pada tahun 1982, selepas menyelesaikan pengajiannya, MQS pulang kembali ke Indonesia dan mengajar semula di Institut Agama Islam Negri (IAIN) Alauddin, Ujung Pandang. Selepas dua tahun berlalu (1984) beliau berpindah tugas dari IAIN Alauddin ke IAIN Jakarta. Di sini, MQS aktif mengajar ilmu Tafsir dan *U^lūm al-Qurān* sehingga tahun 1998 (Zakiar, 2003). Selain menjalankan tugasannya sebagai pensyarah, beliau juga menduduki jawatan sebagai Rektor IAIN Jakarta selama dua penggal (1992-1996 dan 1997-1998) dan Menteri Agama di awal tahun 1998, hingga akhirnya beliau dilantik sebagai Duta Besar Luar Biasa dan Berkuasa Penuh Republik Indonesia untuk negara Republik Arab Mesir merangkap negara Republik Djibouti di Kaherah (Nata, 2005).

Selepas persaraan dalam dunia akademik dan konsul, MQS mencurahkan saki baki kudrat yang sedia ada untuk mensyarah *magnum opus* beliau *Tafsir al-Mishbāh* menerusi saluran Televisyen di Indonesia. Selain itu, aktiviti menulis dan menghasilkan karya ilmiah masih diteruskannya. Dan terkini, MQS telah menerbitkan sebuah buku bertajuk *Yang Hilang Dari Kita: Akhlak* pada tahun 2017.

3. Relevansi Pentafsirkan Al-Quran Dengan Hadis Sahih

Ilmu Tafsir meletakkan syarat wajib kepada seorang mufasir untuk menguasai Hadis dan ulumnya sebelum menceburkan diri dalam gelanggang tafsir al-Quran. Hal ini bagi memastikan Hadis yang digunakan sebagai hujah dalam pentafsiran adalah bersumber daripada yang sahih ataupun *hasan*. Manakala Hadis yang lemah maka tidak dapat digunakan sebagai hujah (al-Ṣabbāgh, 1988: 202).

Perlu ditegaskan di sini bahawa ulama hadis yang terdahulu (bermula kurun kedua hijrah khususnya) apabila menyebut daif pada perkataan atau penulisan mereka, dan mereka mengharuskannya untuk dijadikan hujah pada *faḍā'il a'māl* dan *targhīb wa al-tarhīb*, pada hakikatnya yang mereka maksudkan adalah hadis *hasan*. Ia adalah istilah (al-ḥasan) yang masih tidak diputuskan penggunaannya istilahnya pada zaman mereka. Maksud perkataan *da'if* ketika meletakkan keharusan berhujah dengannya bukanlah hadis daif mengikut istilah ulama terkemudian (muta'akhhirīn), iaitu hadis yang hilang salah satu syarat hadis *al-maqbūl* ('Itr, 1998: 264). Hakikat ini disedari oleh MQS, justeru beliau amat mengambil berat tentang kepentingan Hadis sahih dalam pentafsiran al-Quran. Contohnya adalah ketika mentafsirkan surah *Ghāfir* [40] ayat 45:

فَوَقَدْنَا لِلَّهِ سَيِّئَاتٍ مَا مَكَرُوا وَحَاقَ بِآلِ فِرْعَوْنَ سُوءُ الْعَذَابِ ﴿٤٥﴾

Maksudnya:

Dan (janganlah engkau merasa kecewa wahai Muhammad tentang keingkaran kaummu, kerana) demi sesungguhnya! Kami telah memberi kepada Nabi Musa Kitab Taurat, lalu berlaku pertentangan mengenainya dan kalaulah tidak kerana telah terdahulu kalimah ketetapan dari Tuhanmu (untuk menangguhkan hukuman hingga ke suatu masa yang tertentu), tentulah dijatuhkan hukuman azab dengan serta merta kepada mereka. Dan sesungguhnya mereka (kaummu) masih menaruh syak yang meragukan tentang (kebenaran Al-Quran) itu.

MQS menyatakan bahawa al-Quran tidak menjelaskan bagaimana Allah SWT melindungi dan menyelamatkan orang mukmin yang memberikan nasihat itu. Dalam konteks ini, banyak riwayat yang tidak dapat dipertanggungjawabkan nilai kesahihannya dan sebaiknya tidak perlu dikemukakan dalam kitab-kitab tafsir (Shihab 2010, 11: 627). Sehubungan dengan itu, penulis mendapati

satu kaedah pentafsiran yang berhubung kait dengan pentafsiran al-Quran dengan Hadis yang digunakan oleh MQS dalam *Tafsir Al-Mishbāh*, iaitu:

إذا عرف التفسير من جهة النبي صلى الله عليه وسلم فلا حاجة من قول من بعده

“Apabila pentafsiran telah sabit kepada Rasulullah SAW maka tiada keperluan untuk merujuk kepada selainnya.”

Kaedah ini antara lain dinyatakan oleh Khālid al-Sabt (2001, 1: 149). Abū al-Fiḍā` Ismā`īl Ibn Kathīr, mufasir muktabar penulis *Tafsīr al-Qurān al-‘Azīm* adalah salah seorang mufasir yang menyokong penggunaan kaedah tersebut (Ibn Kathīr 2000, 5: 477). Sebagai contoh lainnya, MQS menggunakan kaedah di atas ketika mentafsirkan surah *al-Fath* [48] ayat 1 berikut:

إِنَّا فَتَحْنَا لَكَ فَتْحًا مُّبِينًا ۝

Maksudnya:

Sesungguhnya Kami telah membuka bagi perjuanganmu (wahai Muhammad) satu jalan kemenangan yang jelas nyata,

MQS (2010, 12: 503 & 504) menyatakan bahawa:

Ulama berbeza pendapat tentang makna *fath*. Ada yang memahaminya dengan kemenangan dan penyelesaian sengketa antara kaum muslimin dengan musyrikin dengan penandatanganan Perjanjian Hudaibiah. Ada juga yang memahaminya dengan kemenangan yang diperolehi Nabi SAW ketika memasuki kota Mekah dan menguasainya. Sayyid Quṭb pula menyebutkan banyak makna *fath* yang diperolehi. Dimulakan dengan janji setia yang dilakukan oleh para Sahabat yang dinamakan *bay‘ah al-riḍwān*, disusuli dengan Perjanjian Hudaibiah dan pelbagai kemenangan lainnya sejurus selepas itu. Semua pendapat di atas dapat ditampung oleh lafaz *fatahnā*. Namun begitu, banyak riwayat daripada Sahabat yang menegaskan bahawa yang dimaksudkan di sini ialah Perjanjian Hudaibiah. ‘Umar RA contohnya (pada awalnya bersikap keras berkaitan beberapa butir perjanjian Hudaibiah) setelah turunnya ayat di atas bertanya kepada Nabi SAW “Apakah ini dinamakan *fath* (kemenangan) wahai Rasulullah? Nabi SAW menjawab “Ya, demi jiwaku yang ada dalam gengaman tanganNya ini ialah *fath*”.¹

Bagi mengukuhkan lagi penggunaan kaedah di atas, pengakuan MQS terhadap kaedah tersebut wajar dinyatakan. Beliau menyatakan bahawa kaedah pentafsiran lainnya yang dipersetujui ialah pentafsiran yang dikemukakan tidak boleh bercanggah dengan sunah Rasulullah SAW. Oleh sebab itu, siapa sahaja yang menyatakan

¹ Hadis ini diriwayatkan oleh Abū Shaybah, Abū Bakr. 1989. *Al-Kitāb al-Muṣannaf fī al-aḥādīth wa al-āthār*. Bab *ghazwah al-Hudaibiyah*. Jil. 7. Riyadh: Maktabah al-Rushd. Hlm. 384. Nombor Hadis 36845.

pendapat yang bercanggah dengannya, maka pentafsirannya dinilai terseleweng (Shihab, 2011: 604).

Walau bagaimanapun, penulis mendapati terdapat juga keadaan di mana MQS menolak Hadis yang dinilai sahih oleh ulama dan merujuk kepada hadis lemah bagi mengukuhkan pentafsirannya. Contohnya adalah ketika mentafsir surah *al-Muddaththir* [74] ayat 6 berikut:

وَلَا تَمُنُّنَ تَسْتَكْبِرُ ﴿٦﴾

Maksudnya:

Dan janganlah engkau memberi (sesuatu, dengan tujuan hendak) mendapat lebih banyak daripadanya.

MQS (2010, 14: 454) menyatakan bahawa:

Sebahagian ulama berpendapat bahawa ayat keenam tidak termasuk dalam satu rangkaian (dari segi masa turunnya) dengan ayat-ayat terdahulu, kerana terdapat satu riwayat yang menyatakan bahawa ayat kelima merupakan ayat terakhir dalam rangkaian wahyu ini. Quraish tidak menyokong pendapat tersebut, walaupun diakui kesahihan sanad riwayat yang menegaskan bahawa rangkaian pertama wahyu al-Muddaththir sehingga ayat kelima sahaja. al-Bukhārī (pengumpul Hadis-hadis Rasulullah SAW yang paling tegas persyaratannya serta paling dapat dipertanggungjawabkan riwayat-riwayatnya) mengemukakan tiga riwayat. Pertama, rangkaian pertama dari surah al-Muddaththir sehingga ayat ketiga sahaja. Kedua, rangkaian dari surah tersebut sehingga ayat keempat sahaja. Ketiga, rangkaiannya sehingga ayat kelima sahaja. Ketiga-tiga riwayat tersebut bersumber daripada seorang sahabat, iaitu Jābir ibn ʿAbdillāh. Sebahagian ulama menolak keseluruhan kandungan riwayat tersebut dengan menyatakan bahawa riwayatnya sahih, tetapi Jābir keliru dalam memahaminya. Apatah lagi dalam riwayat ini Jābir menyatakan bahawa al-Muddaththir merupakan wahyu pertama yang turun sebelum Iqra'. Quraish cenderung menjadikan ayat keenam dan ketujuh surah ini merupakan satu rangkaian (dari segi masa turunnya) dengan ayat-ayat sebelumnya. Kecenderungan ini bukan sahaja berdasarkan riwayat daripada al-Ṭabarānī yang secara tegas menyatakan bahawa rangkaian akhir wahyu pertama al-Muddaththir ini ialah ayat ketujuh, malahan gaya serta kandungan petunjuk ayat keenam dan ketujuh selaras dengan ayat-ayat terdahulu. Kedua-duanya dapat dinilai sebagai petunjuk bagi pembinaan peribadi Rasulullah SAW dalam melaksanakan tugas dakwah.

Berdasarkan pentafsiran tersebut dapat difahami bahawa MQS tidak menyokong pendapat sebahagian ulama yang menyatakan bahawa ayat keenam surah al-Muddaththir tidak termasuk dalam satu rangkaian (dari segi masa turunnya) dengan ayat-ayat terdahulu, kerana terdapat satu riwayat yang menyatakan bahawa ayat kelima merupakan ayat terakhir dalam rangkaian wahyu ini (walaupun beliau turut mengakui kesahihan sanad riwayat tersebut). Adapun hujah yang dikemukakan bagi menyokong pendapatnya itu ialah tiga riwayat yang dinukilkan daripada al-Bukhārī. Riwayat pertama menyatakan

bahawa rangkaian pertama dari surah al-Muddaththir sehingga ayat ketiga, riwayat kedua pula sehingga ayat keempat dan riwayat ketiga sehingga ayat kelima sahaja.

Namun begitu, pernyataan di atas perlu dimurnikan dengan mengambil kira beberapa perkara berikut:

i. Rujukan penulis kepada hadis al-Bukhārī dalam *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ* tidak mendapati ketiga-tiga riwayat yang dinyatakan oleh MQS, melainkan dua riwayat sahaja, iaitu:

a. Rangkaian pertama dari surah al-Muddaththir sehingga ayat ketiga

حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ بْنُ مَنْصُورٍ حَدَّثَنَا عَبْدُ الصَّمَدِ حَدَّثَنَا حَرْبٌ حَدَّثَنَا يَحْيَى قَالَ سَأَلْتُ أَبَا سَلَمَةَ أَيُّ الْقُرْآنِ أَنْزَلَ أَوَّلَ فَقَالَ يَا أَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ فَعُلْتُ أَنْبِئْتُ أَنَّهُ أَقْرَأَ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ فَقَالَ أَبُو سَلَمَةَ سَأَلْتُ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ أَيُّ الْقُرْآنِ أَنْزَلَ أَوَّلَ فَقَالَ يَا أَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ فَعُلْتُ أَنْبِئْتُ أَنَّهُ أَقْرَأَ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ فَقَالَ لَا أُخْبِرُكَ إِلَّا بِمَا قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَاوَزْتُ فِي حِزَاءٍ فَلَمَّا قَضَيْتُ جَوَارِي هَبَطْتُ فَاسْتَبَطَنْتُ الْوَادِيَّ فَنُودِيْتُ فَظَنَرْتُ أَمَامِي وَخَلْفِي وَعَنْ يَمِينِي وَعَنْ شِمَالِي فَإِذَا هُوَ جَالِسٌ عَلَى كُرْسِيِّ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ فَأَتَيْتُ خَدِيجَةَ فَعُلْتُ دَثْرُونِي وَصَبُّوا عَلَيَّ مَاءً بَارِدًا وَأَنْزَلَ عَلَيَّ يَا أَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ فَمَ فَأَنْذِرْ وَرَبِّكَ فَكَبِّرْ.

(al-Bukhārī, 1980. *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*. Jil. 3. *Kitāb tafsīr al-Qur'ān. Bāb wa rabbuka fa kabbir*. Hlm. 317, nombor hadis 4640).

Telah menceritakan kepada kami Ishāq ibn Mansūr, telah menceritakan kepada kami 'Abd al-Ṣamad, telah menceritakan kepada kami Ḥarb, telah menceritakan kepada kami Yahyā ia berkata; Aku pernah bertanya kepada Abū Salamah, "Bahagian manakah dari Al-Quran yang pertama kali turun?." Ia pun menjawab, "Yā Ayyuha al-Muddaththir." Aku berkata, "Aku pernah dikhabarkan bahawa bahagian Al-Quran yang pertama kali turun adalah: 'Iqrā' Bismi Rabika alladhī Khalaq (Sebutlah dengan nama Tuhanmu yang telah menciptakan)." Maka Abū Salamah pun berkata; Aku pernah bertanya kepada Jābir ibn 'Abdullah, "Bahagian Al-Quran yang manakah yang pertama kali turun?" Maka ia menjawab, "Yā Ayyuha al-Muddaththir." Aku katakan, "Pernah diberitakan kepadaku, bahawa yang pertama kali turun adalah, 'Iqrā' Bismi Rabika alladhī Khalaq.'" Maka ia menjelaskan kembali; Aku tidak akan mengkhabarkan kepadamu kecuali dengan sesuatu yang telah dikatakan oleh Rasulullah SAW. Rasulullah SAW bersabda: "Aku berdiam diri di gua Hira'. Setelah selesai, aku pun keluar dan menelusuri lembah, tiba-tiba aku mendengar seseorang memanggilku, maka aku pun menoleh ke hadapan, ke arah belakang, ke samping kanan dan juga ke kiri. Ternyata, yang memanggilku duduk di atas kerusi yang terbentang antara langit dan bumi. Setelah itu, aku segera mendatangi Khadijah dan berkata, 'Selimutilah aku. Dan tuangkanlah air dingin pada tubuhku.' Pada saat itulah,

diturunkanlah ayat ini padaku: *Yā Ayyuha al-Muddaththir, Qum Fa Andhir, Wa Rabbaka Fakabbir* (Wahai orang yang berselimut, bangunlah dan berilah peringatan. Dan Tuhan-mu, agungkanlah).”

b. Rangkaian pertama dari surah al-Muddaththir sehingga ayat kelima

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُسُفَ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ عُقَيْلٍ قَالَ ابْنُ شِهَابٍ سَمِعْتُ أَبَا سَلَمَةَ قَالَ أَخْبَرَنِي جَابِرُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُحَدِّثُ عَنْ فَتْرَةِ الْوَحْيِ قَبِينَا أَنَا أَمْثَلِي سَمِعْتُ صَوْتًا مِنْ السَّمَاءِ فَرَفَعْتُ بَصَرِي قَبْلَ السَّمَاءِ فَإِذَا الْمَلَكُ الَّذِي جَاءَنِي بِحِجَابٍ قَاعِدٌ عَلَيَّ كُرْسِيِّ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ فَجِئْتُ مِنْهُ حَتَّى هَوَيْتُ إِلَى الْأَرْضِ فَجِئْتُ أَهْلِي فَمَلْتُ زَمْلُونِي زَمْلُونِي فَرَمَلُونِي فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى يَا أَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ قُمْ فَأَنْذِرْ إِلَى قَوْلِهِ فَاهْجُرْ قَالَ أَبُو سَلَمَةَ وَالرَّحِزُّ الْأَوْتَانُ ثُمَّ حَمِي الْوَحْيُ وَتَتَابَعُ .

(al-Bukhārī, 1980. *al-Jāmi' al-Shāḥih*. Jil. 3. *Kitāb tafsīr al-Qur'ān. Bāb wa al-rujza fahjur*. Hlm. 318, nombor hadis 4642).

Telah menceritakan kepada kami 'Abdullah ibn Yūsuf, telah menceritakan kepada kami Al-Laith dari 'Uqail dan Ibn Shihāb berkata; Aku mendengar Abū Salamah berkata; Telah mengkhabarkan kepadaku Jābir ibn 'Abdullah bahawa ia mendengar Rasulullah SAW menceritakan tentang awalnya wahyu turun pada beliau. Beliau berkisah: Ketika aku tengah berjalan, tiba-tiba aku mendengar suara yang berasal dari langit, maka aku pun mengangkat pandanganku ke arah langit, ternyata di atas terdapat Malaikat yang sebelumnya mendatangiku di gua Hira` sedang duduk di atas kerusi antara langit dan bumi. Aku merasa ketakutan hingga aku jatuh tersungkur ke tanah. Lalu aku pun segera menemui keluargaku sambil berkata, "Selimutilah aku, selimutilah aku." Maka keluargaku pun segera menyelimutiku. Akhirnya Allah Ta'ala menurunkan ayat: *Yā Ayyuha al-Muddaththir, Qum Fa Andhir* (Wahai orang yang berselimut, bangkitlah, dan berilah peringatan). Hingga firman-Nya: *Fahjur*. Abu Salamah berkata; "Al-Rijz ertinya adalah berhala-berhala. Setelah itu, turunlah wahyu secara berturut-turut".

Tambahan pula, Hikmat ibn Bashīr Yāsīn (1994, 4: 558), salah seorang Profesor tafsir di Jabatan al-Quran al-Karim, Universiti al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah, Madinah al-Munawwarah hanya menyebutkan dua riwayat daripada al-Bukhārī berkaitan *asbāb al-nuzūl* surah *al-Muddaththir* di atas, iaitu ayat satu hingga tiga dan ayat satu hingga lima. Oleh sebab itu, riwayat kedua (rangkaian pertama dari surah *al-Muddaththir* sehingga ayat keempat) yang dinyatakan oleh MQS yang disandarkan kepada al-Bukhārī adalah tidak benar.

ii. MQS menyatakan bahawa sebahagian ulama menolak keseluruhan kandungan riwayat di atas dengan menyatakan bahawa riwayatnya sah, tetapi Jābir RA keliru dalam memahaminya. Apatah

lagi dalam riwayat ini Jābir RA menyatakan bahawa surah al-Muddaththir merupakan wahyu pertama yang turun sebelum ayat *Iqrā'*. Pernyataan ini pun perlu dimurnikan, disebabkan penulis tidak mendapati mana-mana ulama yang menolak keseluruhan riwayat daripada Jābir RA tersebut. Tambahan pula riwayat tersebut bersumber daripada al-Bukhārī yang turut diakui oleh MQS sebagai periwayat Hadis Rasulullah SAW yang paling tegas dalam menetapkan persyaratan serta paling dapat dipertanggungjawabkan riwayat-riwayat yang dinukilkannya.

Berdasarkan proses *takhrīj* yang dilakukan oleh penulis, didapati riwayat yang dinukilkan sepenuhnya sahih (al-Albānī, t.th.: 86). Oleh sebab itu, Ibn Taimiyyah (1971: 66) menyatakan bahawa majoriti Hadis yang terdapat dalam kitab *Ṣaḥīḥ* al-Bukhārī dan Muslim adalah Hadis yang dipastikan bahawa Nabi SAW mengucapkannya.

Adapun pendapat yang menyatakan bahawa Jābir RA keliru dalam memahami sama ada al-Muddaththir merupakan wahyu pertama yang turun sebelum *Iqra'* dapat diselaraskan, kerana sejarah penurunan al-Quran membuktikan bahawa telah berlaku selang masa yang agak lama setelah turunnya ayat *iqra'*. Ketika itu, Rasulullah SAW tidak menerima wahyu sehingga yang dimaksudkan oleh Jābir RA bahawa surah al-Muddaththir tersebut merupakan wahyu pertama yang turun setelah selang masa yang agak lama itu dan bukannya yang pertama sebelum ayat *iqra'* (al-Albānī, t.th.: 96).

iii. MQS cenderung menjadikan ayat keenam dan ketujuh surah ini merupakan satu rangkaian (dari segi masa turunnya) dengan ayat-ayat sebelumnya. Kecenderungan tersebut menurut beliau berdasarkan riwayat daripada al-Ṭabarānī yang secara tegas menyatakan bahawa rangkaian akhir wahyu pertama al-Muddaththir ini ialah ayat ketujuh. Pernyataan ini pun perlu dimurnikan, disebabkan riwayat daripada al-Ṭabarānī adalah lemah. Hadis ini diriwayatkan daripada al-Ṭabarānī dan pada *sanadnya* terdapat Ibrāhīm ibn Yazīd al-Khūzīy yang dikenali sebagai *matrūk* (al-Haythamī 1992, 7: 276). Mufasir al-Alūsī (t.th. 29: 116) pula menyatakan bahawa *sanadnya* lemah. Riwayat yang dimaksudkan ialah:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ الْوَلِيدَ بْنَ الْمُغِيرَةَ صَنَّ لِقُرَيْشٍ طَعَامًا ، فَلَمَّا أَكَلُوا قَالَ : مَا تَقُولُونَ فِي هَذَا الرَّجُلِ ؟ فَقَالَ بَعْضُهُمْ : سَاحِرٌ ، وَقَالَ بَعْضُهُمْ : لَيْسَ بِسَاحِرٍ ، وَقَالَ بَعْضُهُمْ : كَاهِنٌ ، وَقَالَ بَعْضُهُمْ : لَيْسَ بِكَاهِنٍ ، وَقَالَ بَعْضُهُمْ : شَاعِرٌ ، وَقَالَ بَعْضُهُمْ : لَيْسَ بِشَاعِرٍ ، وَقَالَ بَعْضُهُمْ : سِحْرٌ يُؤْتَرُ . [وَأُجْمِعَ قَوْلُهُمْ عَلَى أَنَّهُ سِحْرٌ يُؤْتَرُ] فَبَلَغَ ذَلِكَ النَّبِيَّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - فَحَزِنَ وَقَتَعَ رَأْسَهُ وَتَدَثَّرَ ، فَأَنْزَلَ اللَّهُ - عَزَّ وَجَلَّ - بِأَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ فَمُ فَأَنْذِرْ وَرَبِّكَ فَكَبِّرْ وَتِيَابِكَ فَطَهِّرْ وَالرُّجْزَ فَاهْجُرْ وَلَا تَمْنُنْ تَسْتَكْبِرُ وَلِرَبِّكَ فَاصْبِرْ .

Daripada Ibn ʿAbbās sesungguhnya *al-Walīd ibn al-Mughīrah* menyediakan makanan untuk puak *Quraish*, maka ketika mereka

memakannya, *al-Walīd* berkata “Apa yang kamu anggapkan terhadap lelaki ini? Mereka berkata “Penyihir”. Dan berkata sebahagian daripada mereka “Dia bukan penyihir”. Dan berkata sebahagian daripada mereka “Bomoh”. Dan berkata sebahagian daripada mereka “Dia bukanlah bomoh”. Dan berkata sebahagian daripada mereka “Penyair”. Dan berkata sebahagian daripada mereka “Dia bukanlah penyair”. Dan berkata sebahagian daripada mereka “Sihir yang dituntut serta dipelajari”. Maka mereka pun bersetuju untuk menggelari *al-Quran* sebagai sihir yang dipelajari. Berita itu pun sampai kepada Rasulullah SAW lalu baginda merasa sedih dan menundukkan kepalanya dan berselimut. Maka Allah SWT menurunkan ayat “Wahai orang yang berselimut! Bangunlah serta berilah peringatan dan amaran (kepada umat manusia). Dan Tuhanmu, maka ucaplah dan ingatlah kebesarannya! Dan pakaianmu, maka hendaklah engkau bersihkan. Dan segala kejahatan, maka hendaklah engkau jauhi. Dan janganlah engkau memberi sesuatu, dengan tujuan hendak mendapat lebih banyak daripadanya. Dan bagi (menjalankan perintah) Tuhanmu, maka hendaklah engkau bersabar!”.

4. Epilog

Berdasarkan analisis di atas dapat disimpulkan bahawa kadangkala MQS cenderung kepada Hadis yang lemah dalam mentafsirkan ayat *al-Quran*. Walau bagaimanapun, penulis bersetuju dengan pentafsiran beliau yang menyatakan bahawa gaya serta kandungan petunjuk ayat keenam dan ketujuh selaras dengan ayat-ayat terdahulu. Kedua-duanya dapat dinilai sebagai petunjuk bagi pembinaan peribadi Rasulullah SAW dalam melaksanakan tugas dakwah. Hal ini disebabkan pentafsiran tersebut pun turut dinyatakan oleh Mufasir Tunisia, Muḥammad al-Ṭāhir ʿĀshūr (1984, 29: 300) dalam kitab Tafsirnya *al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*.

RUJUKAN

- ʿItr, Nūr al-Dīn. (1998). *Manhaj al-Naqd fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Abū Dawūd, al-Ashʿath. (t.th.). *Sunan Abū Dawūd*. Bab *ijtihād al-ra’y fī al-qaḍā’*. Jil. 3. Riyadh: Maktabat al-Maʿārif.
- Abū Shaybah, Abū Bakr. (1989). *Al-Kitāb al-Muṣannaf fī al-aḥādīth wa al-āthār*. Bab *ghazwah al-Ḥudaybiyah*. Jil. 7. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Aḥmad, Ibn Ḥanbal. (1999). *Musnad al-Imām Aḥmad ibn Ḥanbal*. Jil. 28. Beirut: Mu’assasah al-Risālah,
- al-Albānī, Muḥammad Nāṣiruddīn. (t.th.). *Saḥīḥ al-sīrah al-nabawiyyah*. Jordan: al-Maktabah al-Islāmiyyah.

- al-Alūsī, Shihāb al-Dīn Maḥmūd. (t.th.). *Rūḥ al-maʿānī fī tafsīr al-Qurʾān al-ʿAzīm wa sabʿu al-mathānī*. Jil. 29. Beirut: Dār Iḥāʾ al-Turāth al-ʿArabī.
- al-Bukhārī, Muḥammad Ismāʿīl. (1980). *al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ*. Jil. 3. *Kitāb tafsīr al-Qurʾān. Bāb wa rabbuka fa kabbir*. Kaherah: al-Salafiah.
- al-Haythamī, Nūr al-Dīn ʿAlī. (1992). *Majmaʿ al-zawāʾid wa manbaʿ al-fawāʾid*. Jil. 7. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- al-Ṣabbāgh, Muḥammad ibn Laṭīf. (1988). *Buḥth fī uṣūl al-tafsīr*. Beirut: al-Maktab al-Islamī.
- al-Sabt, Khālīd ibn ʿUthmān. (2001). *Qawāʿid al-Tafsīr: Jamʿan wa Dirāsah*. Jil. 1. t.tp.: Dār ibn ʿAffān.
- al-Ṭabarī, Abū Jaʿfar Muḥammad ibn Jarīr. (2001). *Tafsīr al-Ṭabarī*. Jil. 3. Kaherah: Markaz al-Buḥūth wa al-Dirāsah al-ʿArabiyah wa al-Islāmiyyah.
- ʿĀshūr, Muḥammad al-Ṭāhir. 1984. *al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*. Jil. 29. Tunisia: Dār Saḥnūn.
- Ibn ʿAṭīyyah, Abū Muḥammad. (2001). *al-Muḥarrar al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-ʿAzīz*. Jil. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidāʾ Ismāʿīl. (2000). *Tafsīr al-Qurʾān al-ʿAzīm*. Jil. 5. Ghiza: Muʾassasah Qurṭūbah.
- Ibn Taimiyyah, Tāqiyuddīn. (1971). *Muqaddimah Fī Uṣūl al-Tafsīr*. Kuwait: Dār al-Qurʾān al-Karīm.
- Naja, M. Safinun. (2007). *Konsep Khalifatullah Dalam Perspektif M. Quraish Shihab Sebagai Kepemimpinan Pengembangan Pendidikan Islam*. Latihan Ilmiah. Jabatan Tarbiyah. Fakultas Pengajian Islam. Malang: Universiti Islam Negeri Malang.
- Nata, Abudin. (2005). *Tokoh-Tokoh Pembaruan Pendidikan Islam di Indonesia*. Jakarta: Rajawali Pers.
- Shihab, M. Quraish. (1992). *Membumikan al-Qurʾan: Fungsi Wahyu dalam Kehidupan Masyarakat*. Bandung: Mizan.
- Shihab, M. Quraish. (2010). *Tafsir Al-Mishbāh: Pesan, Kesan dan Keserasian Al-Qurʾan*. Jil. 11, 12 & 14. Jakarta: Lentera Hati.
- Shihab, M. Quraish. (2011). *Membumikan Al-Qurʾan Jilid 2: Memfungsikan Wahyu dalam Kehidupan*. Jakarta: Lentera Hati.
- Subhan, Arief. (1993). Menyatukan Kembali Al-Qurʾan dan Umat: Menguak Pemikiran M. Quraish Shihab. *Jurnal Ulumul Qurʾan*. Vol. 4, no. 5, hlm.10.
- Wardani. (2009). Kontroversi Penafsiran Tentang Penciptaan Perempuan Dalam Al-Qurʾan: Analisis Terhadap Penafsiran M. Quraish Shihab. *Jurnal Ishraqi*. Vol. 5, No. 1, Januari-Jun, hlm. 56.
- Yāsīn, Hikmat ibn Bashīr. 1999. *al-Tafsīr al-Ṣaḥīḥ: Mawsūʿah al al-Ṣaḥīḥ al-masbūr min al-tafsīr bi al-maʾthūr*. Jil. 4. Madinah: Dār al-Māthir.
- Zakiar. (2003). *Corak pentafsiran M. Quraish Shihab Suatu Tinjauan ke atas Tafsir al-Qurʾan al-Karim: Tafsir Atas Surat-Surat Pendek Berdasarkan Urutan Turunnya Wahyu*. Disertasi

Sarjana. Jabatan al-Quran dan al-Sunnah. Fakulti Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

